

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN  
JUN-NOV 2006**

**ADALAH DILAPORKAN BAHAWA  
KAJIAN INI DISEDIAKAN OLEH**

**JUFIZA BINTI TAJUDIN  
2003126573**

**LAPORAN KAJIAN  
SINMA  
DI LEVEL 2  
IPOH PARADE, IPOH**

**Diterima sebagai memenuhi syarat-syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk  
Dalaman**

**PENYELIA : EN IZAT BUKHARY ISMAIL BUKHARY**

**KOORDINATOR : CIK MAWAR BINTI MASRI  
: EN AZIZUL AZLI**

## **PENGHARGAAN**

Pertama sekali diucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia dan juga coordinator kursus kerana telah bertungkus lumus membantu dalam proses menyiapkan kerja kursus ini dengan dan memberi tunjuk ajar yang terbaik bagi menyempurnakan laporan ini. Kerja kursus ini mungkin tidak akan akan siap tanpa bimbingan mereka. Kerjasama yang diberikan cukup memuaskan di mana terdapat komunikasi dua hala bagi memudahkan pemahaman dalam menyempurnakan laporan ini. Selain dari itu, laporan dan tunjuk ajar yang diberi dan tunjuk ajar yang diterima adalah sangat baik. Jutaan terima kasih sekali lagi di atas bimbingan dan rujukan yang diberikan kepada setiap individu yang terlibat terutama sekali kepada coordinator program Cik Mawar binti Masri serta penyelia Encik Azizul bin Azli dan En Izat Bukhary Bin Ismail Bukhary. Akhir kata dari saya, kerjasama dan juga tunjuk ajar dari semua pihak, amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

## ABSTRAK

Di dalam kajian dan juga pengumpulan maklumat di dalam projek ini, di dapati terdapat factor-faktor yang perlu dititikberatkan kerana ianya penting dalam menjayakan projek ini. Segala yang terkandung di dalam projek ini telah diteliti dengan baik supaya ianya dapat disempurnakan. Apa juga yang tersirat dan juga yang tersurat juga telah diteliti sebaik-baiknya. Tujuan projek ini dibuat adalah untuk mengenalpasti baik dan buruk sesuatu perkara sebelum merekabentuk ruang supaya ianya menjadi rekabentuk yang berjaya. Selain itu, konsep dan imej perlulah diterapkan bagi memenuhi kehendak klien dan juga kehendak pelanggan. Rekaan juga hendaklah direka supaya dapat mewujudkan satu persekitaran ruang yang berupaya membantu memberangsangkan pemikiran pelanggan. Elemen-elemen yang sesuai akan digunakan dalam proses merekabentuk ruang bagi mencapai kesinambungan antara konsep yang akan ditonjolkan di dalam rekaan. Dengan adanya projek ini, maka rekabentuk akan lebih sempurna.

<b>PENGHARGAAN</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>ii</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>iii-vi</b>
<b>SENARAI FOTO</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>ix</b>

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1.0 PENGENALAN KAJIAN</b>	
<b>1.0.1 'RETAIL SHOP'</b>	<b>1</b>
<b>1.0.2 BARANG PERHIASAN</b>	<b>1-2</b>
<b>1.0.3 REKABENTUK BARANG PERHIASAN</b>	<b>3</b>
<b>1.0.4 KEPENTINGAN KEPADA MASYARAKAT</b>	<b>3</b>
<b>1.1 MATLAMAT</b>	<b>3</b>
<b>1.1.1 OBJEKTIF</b>	<b>4</b>
<b>1.2 KEPENTINGAN KAJIAN</b>	<b>4</b>
<b>1.3 KAJI SELIDIK</b>	<b>5</b>
<b>1.3.1 DATA PRIMER</b>	<b>5</b>
<b>1.3.1.1 Kaji Selidik</b>	<b>5</b>
<b>1.3.1.2 Wawancara / Temubual</b>	<b>5</b>
<b>1.3.2 DATA SEKUNDER</b>	<b>6</b>
<b>1.3.2.1 Internet</b>	<b>6</b>
<b>1.3.2.2 Majalah</b>	<b>6</b>

## **1.0 PENGENALAN KAJIAN**

### **1.0.1 'RETAIL SHOP'**

'Retail shop ialah sebuah ruang yang di kenali sebagai ruang kedai di mana berlaku urusan jual beli barang antara pelanggan dan peruncit. Pada zaman ini, 'retail shop' yang menawarkan barang-barang yang menjual barang aksesori perhiasan diri mendapat sambutan di negara ini. Ini adalah kerana barang perhiasan yang ditawarkan memenuhi kehendak setiap warga wanita dari pelbagai peringkat umur.

Fesyen rekaan 'retail' yang terkini merupakan aspek utama di dalam pemasaran kerana ianya menjadi daya tarikan untuk pelanggan berkunjung seterusnya membeli barangan yang dipamerkan.

Didalam setiap 'retail' terdapat beberapa aspek yang dapat menarik pelanggan untuk berkunjung iaitu tarikan daripada segi rekaan dan penggunaan pencahayaan yang sempurna di dalam setiap ruang.

### **1.0.2 BARANG PERHIASAN**

Barang perhiasan diri ialah barang yang diperbuat daripada bahan-bahan terpilih dan direka mengikut jenis barang perhiasan supaya berkualiti, menarik dan terkini mengikut kehendak pelanggan sekarang. Barang-barang perhiasan terdiri daripada: